

MEN - APRIL 2011

Buletin

# JKKKW

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara



# Festival 2011

“Jalinan Mesra 1Malaysia”



Sebaris Kata.....  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia....

Penulis ingin berkongsi maklumat bersama pembaca mengenai salah satu program teras yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara yang dinamakan Program Merakyat Seni Dan Budaya atau singkatannya PMS.

Sejak Mei 2004, ketika JKKN di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KEKKWA), PMS telah diperkenalkan.

Melihat kepada impak dari penganjuran program serta aktiviti-aktiviti yang diadakan, lalu secara rasminya program PMS ini telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri pada 26 Januari 2005 sejajar dengan visi kementerian iaitu membentuk masyarakat Malaysia yang berbudaya luhur.

Tujuan PMS ini diwujudkan adalah untuk mendekatkan masyarakat umum khususnya masyarakat luar bandar dengan kegiatan seni budaya. Program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan bertujuan memupuk nilai-nilai murni dan semangat kerjasama dikalangan masyarakat dalam usaha memelihara dan mengekalkan warisan seni budaya negara. Penganjuran PMS adalah juga merupakan strategi jangka panjang dalam pembangunan industri kreatif dari pelbagai bidang seni budaya melalui rangsangan penglibatan semua pihak sama ada di peringkat pusat, negeri, daerah dan penduduk setempat. Antara kawasan penempatan yang kerap menjadi tempat pelaksanaan program dan aktiviti PMS adalah kawasan peladangan, kawasan rancangan pembangunan tanah FELDA/FELCRA, kawasan masyarakat orang asli, kawasan setinggan, kampung-kampung tradisi, kawasan perumahan, komuniti beruniform dan IPTA atau IPTS.

Sepanjang tahun 2010, sebanyak 141 aktiviti PMS telah dilaksanakan di seluruh negara. Kejayaan pelaksanaan aktiviti ini adalah hasil kerjasama yang erat dengan Badan Bukan Kerajaan (BBK) seni budaya dan agensi kerajaan berkaitan. PMS juga menjadi program utama sebagai landasan dalam menyemarak, meningkatkan kefahaman, memelihara dan mengekalkan warisan seni budaya. Semoga PMS kekal relevan sepanjang masa...!!

**Budaya kita khazanah kita....**

**Zulkarnain Ramly**  
Penyelaras Editorial



## EDITORIAL

### PENGURUSAN

Dato' Norliza Rofli  
Ketua Pengarah

Mohamad Razy Mohd Nor  
Timbalan Ketua Pengarah Dasar & Perancangan

Tn. Hj. Mesran Mohd Yusop  
Timbalan Ketua Pengarah Kebudayaan & Kesenian

Hjh. Noor Siah Sabri  
Pengarah Kanan Sektor Penyelidikan,  
Pembangunan & Penyelarasan

### SIDANG EDITORIAL

#### PENYELARAS EDITORIAL

Zulkarnain Ramly

#### PENOLONG PENYELARAS EDITORIAL

Muhammad Faizal Ruslee

#### SIDANG EDITOR

Rohaniza Abdullah  
Intan Yoshida Sharuddin

• Siti Anisah Abdul Rahman  
• Ismarizal Zulamran  
• Fauziah Ahmad

#### KREATIF

• Bafti Hera Abu Bakar  
• Mohd Asyraf Yusof

#### KOLEKSI GAMBAR

• Ezlina Alias  
• Zaman Sulieman  
• Hassanal Redzuan

#### EDITOR BERSEKUTU

• Bahagian Pentadbiran dan Kewangan  
• Bahagian Pengembangan Seni  
• Bahagian Pengembangan Budaya  
• Bahagian Bimbingan Seni Budaya  
• Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya  
• Bahagian Produksi dan Artistik  
• Bahagian Perancangan dan Penyelarasan  
• Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya  
• Cawangan Komunikasi Korporat  
• Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  
• Negeri-Negeri

#### PENYELARAS EDARAN

• Badrul Hisham Mujib  
• Noorariza Mohd Azahari

#### REKABENTUK & CETAKAN

• ARMNET INTEGRATED SDN BHD  
(359306-W)

Diterbitkan oleh:

#### JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

Kementerian Penerangan Komunikasi  
dan Kebudayaan  
Tingkat 21-34, Bangunan MAS,  
Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2052 3600  
Faks : 03-2025 3726 / 03-2163 3859  
E-mel : dokumentasi2008@gmail.com  
info.budaya@gmail.com  
[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)



# isi kandungan

Buletin

# JKKN


Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara



UCAPAN KETUA PENGARAH	2
PROGRAM EKSPRESI SENI KL 2011	3-4
FESTIVAL SENI GUNUNG LEDANG	5-7
FESTIVAL PADI	8-12

GERAK	13-14
FESTIVAL KUALA LUMPUR	15-17
KREATIF DALAM PEMIKIRAN: KHARTASIS	18-20

FESTIVAL MUZIK KL 2011	21-23
PESTA DURIAN JOHOR & PERAK	24-29
RUANGAN KREATIF	30-32
TOKOH ANUGERAH SENI NEGARA	33-37
MAJLIS PENGISIAN ROHANI	38
DVD / VCD / CD TERBITAN	39-40
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA	



## *Secebis harapan sekalung budi...*

Alhamdulillah, saya bersyukur kerana kita dipanjangkan umur untuk bersama sekali lagi di dalam buletin bilangan kedua tahun 2011 ini.

JKKN baru sahaja selesai dengan penganjuran program besar iaitu KL Fest 2011 atau Festival Kuala Lumpur 2011. Sejak ianya dilancarkan pada 2006, tahun ini merupakan tahun keenam penganjurannya. Sepanjang 31 hari dalam bulan Julai yang lalu, pelbagai acara telah disusun rapi bagi meraikan keindahan dan kepelbagaian unsur-unsur kebudayaan, kesenian, warisan, bahasa dan persuratan, seni visual termasuk tayangan filem, seni pementasan, pameran, pelancongan dan aktiviti rekreasi disajikan untuk dinikmati dan dialami oleh masyarakat warga kota, pengunjung tempatan yang datang bercuti serta pelawat dari luar negara. Semua tapak dan lokasi yang difikirkan sesuai seperti Istana Budaya, Panggung Bandaraya, Menara Berkembar PETRONAS, Auditorium DBKL, KL Performing Arts Centre (**KLPAC**), Muzium Negara, FINAS, Menara Kuala Lumpur, Pasar Seni, Coliseum di Jalan Tunku Abdul Rahman, Taman Tasik Titiwangsa, Tasik Perdana dan banyak lagi lokasi lain telah diisi dengan pelbagai acara bagi memastikan kemeriahan dan keriang festival tersebut.

KL Fest 2011 menjadi wadah ke arah pembinaan insan seni cemerlang selaras dengan peranan Kuala Lumpur sebagai pusat pertembungan seni dan budaya bertaraf antarabangsa. Sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab melahirkan masyarakat Malaysia yang berbudaya berteraskan Gagasan 1Malaysia, Jabatan Kebudayaan dan



Kesenian Negara tidak jemu dalam usaha menyemarakkan seni budaya melalui penganjuran pelbagai acara disamping mempertingkatkan pembangunan serta perkembangan mutu setiap persembahan. Harapan saya, KL Fest 2011 akan dapat membentuk satu wadah penghayatan seni dan budaya tanah air, serta dapat menarik khalayak terutamanya generasi muda yang dinamik masa kini.

KL Fest 2011 telah dapat dilaksanakan dengan jayanya, saya ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih terutamanya kepada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan serta Kementerian Pelancongan Malaysia yang telah menjadi rakan penganjur bersama. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta semua agensi kerajaan dan sektor swasta yang telah berusaha keras mengembeleng tenaga bagi memastikan kejayaan KL Fest 2011.

**Dato' Norliza Rofli**  
Ketua Pengarah JKKN

# PROGRAM EKSPRESI SENI KUALA LUMPUR 2011



Program Ekspresi Seni Kuala Lumpur 2011 adalah satu lagi hasil kerjasama antara Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bersama Kementerian Pelancongan Malaysia. Beberapa rakan kerjasama lain yang turut terlibat dalam menjayakan program berkenaan ialah Yayasan Negeri Selangor, Polis DiRaja Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta agensi-agensi di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia serta badan bukan kerajaan di sekitar Kuala Lumpur. Program ini telah dilaksanakan selama dua hari bermula dari 16 hingga 17 Julai 2011 bertempat di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Penyemarakakan budaya ini diterjemah melalui penyertaan dan penglibatan aktivis seni budaya pelbagai kaum di Malaysia terutamanya dalam bidang seni tari, seni bela diri, seni kreatif grafiti, seni suara, seni rupa, seni kraf, permainan tradisional dan teater. Ekspresi Seni ini memberi fokus dan momentum baru di mana segala penghargaan masyarakat dan pemain seni digabung jalinkan untuk penghayatan sepanjang zaman. YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia serta YBhg. Dr Junaida Lee Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pelancongan Malaysia telah hadir merasmikan program ini.

majlis perasmian



permainan congkak



permainan gasing



persembahan silat



# persembahan sisipan

grafiti



persembahan artis



pertunjukan feSyen



Festival Seni  
**Gunung Ledang**  
Arts Festival





Gunung Ledang dengan keluasan 8,611 hektar dan berketinggian 1,276 meter, merupakan gunung yang tertinggi di selatan Semenanjung Malaysia. Gunung Ledang juga cukup kaya dengan kepelbagaian spesis flora dan fauna, disamping air terjun dan hutan daranya yang telah diwartakan sebagai Taman Negara pada 3 Oktober 2005. Selain keindahan semulajadi, Gunung Ledang juga terkenal dengan kisah lagendanya yang tersendiri dan sering dikaitkan dengan kemasyuran Kesultanan Melayu Melaka.

Sehubungan itu, Festival Seni Gunung Ledang telah dilaksanakan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Johor dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia dan Kerajaan Negeri Johor. Program ini telah dilaksanakan selama empat hari iaitu mulai 12 hingga 15 Mei 2011 yang mana telah memberi peluang kepada para pelancong untuk berinteraksi dengan penduduk tempatan serta menyaksikan sendiri suasana kemeriahan, kerjasama serta sikap saling hormat-menghormati yang ada pada rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Hal ini seterusnya dapat meningkatkan tahap kepuasan para pelancong untuk memilih Gunung Ledang sebagai destinasi percutian berkonsepkan eko-pelancongan. Festival ini sedikit sebanyak dapat memberi pendapatan tambahan kepada peserta gerai jualan.



Acara-acara utama yang diadakan sepanjang festival tersebut berlansung adalah pementasan muzikal tari Puteri Gunung Ledang, persembahan kesenian daerah-daerah, demonstrasi permainan Gasing Johor, seni persilatan Melayu, menyempit, suara burung Merbok (Ketitir), pertandingan Ayam Serama Cantik, mewarna oleh kanak-kanak dan Pertandingan Fotografi serta pameran dan jualan gerai-gerai.

Antara tetamu kehormat yang hadir pada majlis perasmian tersebut ialah YB. Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia (empat dari kanan) serta YB. Dato' Dr. James Dawas Mamit, Timbalan Menteri Pelancongan Malaysia (tiga dari kanan).



Majlis Perasmian Festival Seni Gunung Ledang.



# Festival Padi Langkawi




Padi merupakan tanaman bijirin terpenting di dalam peradaban manusia selain jagung dan gandum. Makanan ini merupakan bahan utama bagi sebahagian penduduk di Asia terutamanya di Asia Tenggara. Malaysia antara negara pengeluar beras yang terbanyak di dunia. Kedah Darul Aman yang dikenali sebagai 'Negeri Jelapang Padi' mengandungi kepelbagaian elemen menarik berkaitan padi, bermula dari asal-usul proses menanam, jenis-jenis sehinggalah ke hasil tuaian padi.

Justeru, sempena mengambil kepentingan bijirin tersebut di dalam salah satu pemakanan rakyat di Malaysia, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kedah dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) serta Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri Kedah telah mengadakan Festival Padi Langkawi selama dua hari bermula pada 23 hingga 24 Julai 2011 di Laman Padi Langkawi.

Kejayaan pelaksanaan program berkenaan dapat dilihat apabila khalayak berpuas hati dengan aktiviti yang disajikan seperti pameran serta persembahan berkaitan asal-usul, mitos, jenis-jenis padi, peralatan-peralatan yang digunakan dan kaedah penanaman padi sehingga terhasilnya beras.

Pengunjung dapat melihat dan mengalami sendiri aktiviti seperti serkap ikan, tarik upih, bola jaring lelaki, futsal wanita, larian bendang dan angkut semaian dengan basikal tua. Program ini telah dirasmikan bersama oleh YBhg Dato' Dr. James Dawos Mamit, Timbisan Menteri Pelancongan Malaysia serta YBhg Datuk Hj. Ab. Ghaffar A. Tambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan).





UCAPAN PERASMIAN OLEH JAMES DAVOS MAMIT



PERSEMBAHAN 'DENDANG RIWAYAT PETANI' TURUT DISERTAI OLEH PELANCONG ASING



PERSEMBAHAN NYANYIAN OLEH HAZIQ AF4 "JOGET ANAK GEMBALA"



TARIAN OLEH KUMPULAN KESENIAN JABATAN NEGERI KEDAH



UCAPAN OLEH ABD. GHAFAR A. THAMBY



ABD. GHAFAR A. THAMBY (KANAN) BERSAMA JAMES DAWOS MAMIT DI MAJLIS PELANCARAN



**JAMES DAWOS MAMIT SEDANG MENYERAHKAN SUMBANGAN KEPADA PENDUDUK  
DISAKSIKAN ABD. GHAFAR A. THAMBY**



**LAWATAN JAMES DAWOS MAMIT,  
TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN  
KE KHEMAH PAMERAN**



**PERTANDINGAN  
SERKAP IKAN DALAM BENDANG**




**PERTANDINGAN FUTSAL DALAM BENDANG (Wanita)**



**PERTANDINGAN MEWARNA**

### AKTIVITI SEPANJANG FESTIVAL



# GERAK



## Iktiraf Kualiti Karyawan Seni Tari Negara

GERAK 2011 telah berlangsung pada 20 hingga 24 Julai di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Program berkenaan bertujuan untuk menyediakan kumpulan atau aktivis bidang seni tari mempamerkan bakat dan kemahiran mereka dalam pelbagai genre tari melalui himpunan kepelbagaian rentak seperti Tradisional, Hip Hop, Jazz, Kontemporari, Kreasi Baru, Tap, Ballet, Street Dance & Afro Brazil.


Penganjuran GERAK 2011 yang turut dibantu oleh Kementerian Pelancongan Malaysia dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dipercayai berupaya menjadi landasan utama kepada insan-insan seni yang berpotensi dalam melahirkan kreativiti bagi sesebuah karya seni sebagaimana temanya "Menyerlah Kreativiti".

Gerak disimpulkan sebagai dinamik, kreatif dan sentiasa melihat idea-idea baru. Dengan gabungan ini juga, para karyawan seni tari dipercayai akan melahirkan sesuatu yang baru dan bertenaga dengan menghimpunkan pelbagai aliran tari yang melibatkan tradisional kepada kreasi baru.

Pada hari ini, dunia melihat ciptaan baru yang melahirkan satu inovasi kepada proses peredaran zaman di mana, seni juga berperanan melahirkan tokoh-tokoh berwibawa yang menyumbang kepada pembentukan ketamadunan manusia sejagat.

Seramai 328 orang peserta daripada 27 kumpulan telah menyertai GERAK. Sewaktu malam pelancaran, penonton telah dihidangkan dengan persembahan tarian daripada Dekan Fakulti Tari ASWARA iaitu **Dr. Joseph Gonzales** serta kumpulan tarian Indung Kampung Bantal dari Pahang, Dayak Cultural Foundation, Fab Four ASWARA, Rakyat Ritma Cru, kumpulan kesenian Petronas dan





Sayang Dancers pimpinan Farah Sulaiman. Pada malam kedua pula, kumpulan tari di bawah koreografi Lee Swee Keong dan Briged Seni Melaka serta Dayak Cultural Foundation, Wakaka Crew, kumpulan Tunas Budaya Selangor dan Steps House Of Creative Arts telah mengadakan persembahan.

Malam ketiga menyajikan persembahan kumpulan tari hasil koreografi Abdul Aris Kadir serta Kumpulan Kesenian JKKN Ibu Pejabat, Kumpulan Baba Nyonya Melaka, persembahan individu Jackson Chua, kumpulan Artistana Istana Budaya dan kumpulan tari Linda Jasmine Performing Arts Studio.

Malam keempat dihangatkan dengan persembahan kumpulan tari Anthony Meh, Sekolah Menengah Maktab Sabah, kumpulan kesenian Orang Asli Semelai Pahang, kumpulan FunkyHeadz, kumpulan kesenian DBKL dan kumpulan tari Temple Of Fine Arts (TOFA).

Malam terakhir menyaksikan persembahan kumpulan tari yang dikoreografikan oleh Zainal Abidin Bujang, kumpulan tari Universiti Teknologi Petronas, Dayak Cultural Foundation, Wakaka Crew, kumpulan kesenian Majlis Bandar Raya Petaling Jaya (MBPJ), Kumpulan Kesenian JKKN Ibu Pejabat serta persembahan tari dari Capoeira and Brazilian Cultural

## BICAWARA GERAK



Di samping itu, satu sidang keilmuan Bicawara GERAK 2011 turut diadakan dengan menampilkan pelakon terkenal Rosyam Noor sebagai moderator untuk diskusi bertopik "Silang Budaya (TARI) Malaysia – Indonesia: Keharmonian Budaya Serumpun". Ia menghimpunkan setiap koreografer yang terlibat untuk berbincang serta bertukar-tukar pendapat mengenai isu yang berkaitan dengan seni tari dan karya yang dipersembahkan.

Para peserta sidang keilmuan terdiri daripada mereka yang menyertai program

GERAK 2011 termasuklah wakil dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS).

GERAK 2011 telah dilancarkan oleh Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, YB Dato' Joseph Salang Gandum pada hari Rabu, 20 Julai jam 8.30 malam di Auditorium DBKL. Dengan penganjuran program tersebut, para karyawan diharap dapat mengembangkan kepelbagaian genre bidang tari hingga ke peringkat antarabangsa.

**Noorariza Mohd Azahari**

*Cawangan Komunikasi Korporat*



# Festival 2011

## YABHG DATIN PADUKA SERI ROSMAH MANSOR MENYEMPURNAKAN PELANCARAN FESTIVAL KUALA LUMPUR 2011

oleh: Noorariza Mohd Azahari

Isteri Perdana Menteri Malaysia, YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Festival Kuala Lumpur 2011 (Festival KL) pada 25 Jun bertempat di Perkampungan Budaya 1Malaysia, Menara Kuala Lumpur.

YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor telah disambut sepanjang jalan utama dengan pelbagai persembahan kesenian yang meriah. Di majlis itu juga, beliau turut menyempurnakan pelancaran Setem KLFest 2011 Edisi Khas berbentuk Setem Memento yang dibingkakan sempena Festival Kuala Lumpur 2011.

Antara tetamu kehormat lain yang hadir ialah Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, YB. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim serta Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, YB. Datuk M. Saravanan dan juga Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, YBhg. Dato' Dr. Ong Hong Peng serta Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) KPKK, YBhg. Dato' Haji Ab. Ghaffar bin A. Tambi.



Kerajaan berhasrat untuk menjadikan KL sebagai pusat atau hab kesenian bukan sahaja bagi tujuan pembangunan seni dan budaya tempatan malah di peringkat antarabangsa. Hasrat ini dapat direalisasikan dengan merangka pelbagai aktiviti untuk disemarakkan pada lokasi-lokasi yang strategik. Jika ditinjau perkembangan festival berkenaan sejak dari tahun 2006 hingga 2011, peningkatan sebanyak 51 jumlah lokasi telah dipilih untuk berbagai pengisian acara berbanding 47 lokasi pada 2010 dan hanya 33 lokasi pada tahun 2009.



Festival tersebut bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada masyarakat umum termasuk para pelancong bagi mendekati keindahan seni budaya warisan Malaysia disamping memperkenalkan pusat-pusat kesenian, kawasan tumpuan pelancong dan pusat rekreasi sekitar Kuala Lumpur. Melalui pelaksanaannya, warga kota seniman dapat mendekati serta meraikan seni dan budaya masyarakat Malaysia sebagai satu usaha ke arah pemeliharaan jati diri bangsa yang berbilang agama.

Penganjurannya kini memasuki tahun keenam dan telah berjaya mengumpulkan sebanyak 122 aktiviti kebudayaan dan kesenian dari pelbagai agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan yang diterajui tiga kementerian iaitu KPKK, Kementerian Pelancongan Malaysia serta Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar melalui urus setianya iaitu JKKN. Ia mengetengahkan aktiviti-aktiviti kesenian dan kebudayaan merangkumi beberapa bidang seperti seni persembahan, seni tampak, warisan, permainan tradisional, bahasa dan persuratan, rekreasi serta pelancongan.

Pelancaran Festival KL kali ini diserikan dengan pembukaan persembahan 'Mengadap Rebab' oleh Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), persembahan 'Uda dan Dara' oleh Hazami, Dayang Nurfaizah serta Ismail Jejaka. Lagu dan nyanyian 'Getaran Jiwa' pula dipersembahkan oleh Temple Of Fine Arts (TOFA), manakala Dua Space Dance Theatre menyajikan 'Warna Warni Kuala Lumpur'. Bagi persembahan finale, lagu 'Kuala Lumpur Kota Permai' dan lagu tema Festival KL 2011 bertajuk 'Kota Seniman', telah dinyanyikan oleh semua artis yang terlibat.





## KREATIF DALAM PEMIKIRAN: KHARTASIS

Manusia dianugerahkan tuhan dengan akal untuk berfikir, maka dengan menggunakan pemikiran, manusia boleh merubah alam. Sedikit demi sedikit keadaan dimajukan dari yang baik kepada keadaan yang lebih baik. Bermula keadaan yang primitif dengan tenaga fizikal yang terhad digunakan, dunia ditukar kepada wajah yang ada seperti dilihat sekarang, selari dengan alaf baru, transformasi budaya, persekitaran dan amalan masyarakat bukan berlaku secara sendiri tetapi dengan sengaja. Begitu juga dengan pemikiran seni, datang dari lahiriah manusia yang ingin berkarya. Seni tidak menuntut kepada perundangan sosial atau agama tetapi ia berkarya dalam sebuah pemikiran yang dirangsang oleh ingin tahu. Perasaan ingin tahu itulah yang membuat estetika dan kreatif itu lahir dari sebuah pemikiran.

Beberapa orang penulis dan pengkaji (Sarnoff & Cole, 1983 dan Torrance, 1984) berpendapat bahawa keupayaan untuk terus berfikir secara terbuka dan bebas semasa berdepan dengan situasi-situasi tidak menentu adalah tanda bagi personaliti pemikiran kreatif.

Menurut Dacey (1989), dua jenis halangan pemikiran kreatif dalaman yang menghalang manusia daripada terus berfikir secara bebas dan terbuka semasa berdepan dengan situasi-situasi tidak menentu ini ialah ketetapan ransangan dan ketetapan fungsi. Edward de Bono dalam buku beliau yang berjudul '*I am Right You Are Wrong*' (1990) mendefinisikan berfikir sebagai satu proses kompleks yang berlaku dalam minda seseorang apabila ia menerokai pengalamannya secara terperinci untuk mencapai sesuatu tujuan.

## Apakah kemahiran berfikir secara kreatif?

Kecekapan menggunakan minda untuk:

- menjana dan menghasilkan idea,
- mencipta sesuatu yang baru, asli, luar biasa, pelbagai, dan bernilai sama ada bersifat maujud, abstrak, idea atau gagasan.
- menerokai dan mencari makna, pemahaman dan penyelesaian masalah secara inovatif.

## Contoh kemahiran berfikir secara kreatif:

- mencipta analogi
- menjana dan menghasilkan idea baru
- mencipta metafora,

Pemikiran kreatif membincangkan bagaimana cara-cara atau teknik-teknik untuk memperluaskan dan memperkembangkan daya imaginasi, inovasi dan kreativiti individu untuk mendapatkan dan mengumpulkan banyak idea baru dengan menggunakan pelbagai teknik kreatif.

(Samsu Yaacob ; 1993:3).



Teori Kemahiran Berfikir : Robert Sperry

Teori Robert Sperry menghuraikan otak manusia menggunakan bahagian kirinya berfikir secara kritis dan bahagian kanannya ilham untuk ciptaan idea-idea baru kerap lahir

pula berfikir secara kreatif. Kedua-dua bahagian otak ini mempunyai fungsi berfikir yang tertentu. Otak kiri mempunyai kemahiran berfikir dalam bidang berupa logik, analitis urutan atau susunan bahasa fakta, matematik dan ingatan. Manakala bahagian kanan mempunyai kemahiran berfikir dalam bidang berupa kreatif, sintesis, warna, reka bentuk disamping perasaan, irama, muzik dan imaginasi.

Berbalik kepada pemikiran kreatif, otak kanan selalu berperanan dalam mencipta idea yang merangsangkan otak kiri kepada sebuah logikal. Albert Einstein pakar fizik yang lahir dari sebuah keluarga berbangsa Yahudi yang mencintai Sains, ilmu fizik dan matematik, sebenarnya adalah seorang pemain biola yang hebat.

Banyak idea diilhamkan oleh orang-orang yang bukan pakar dalam bidang ciptaannya. Barangkali salah satu punca perkara ini berlaku kerana orang-orang itu tidak tahu ilhamnya itu mustahil dapat dilakukan, oleh yang demikian mereka cuba menciptanya seperti:

- Loceng penyelam dicipta oleh pakar astronomi **Edmund Halley**.
- Tayar pneumatic dicipta oleh pakar vertenari, **John Dunlop**.
- Pisau cukur dicipta oleh seorang jurujual, **King Camp Gillete**.
- Mesin pencuci vakum dicipta oleh seorang pembuat jambatan, **Hubert Booth**
- Jek hidraulik dicipta oleh seorang pembuat almari, **Joseph Bramah**
- Kapal selam pertama yang praktikal dicipta oleh seorang guru di New York.

## Bagaimana cara kita nak berfikir kreatif?


Kreatif itu memerlukan suasana hiburan dan keseronokan dikalangan pemikir yang tidak memikir sesuatu idea dalam tegang. Ertikata di sini adalah bergembira dan berseronok. Idea hebat selalunya datang ketika kita berseronok dan berhibur di mana kumpulan yang sentiasa gembira akan lahir idea-idea gila yang kadang-kadang berada di luar kotak akal. Maka kreatif itu adalah sesuatu yang luar biasa. Kumpulan idea hebat ini juga tidak memerlukan peraturan yang mengawal atau menentukan ketetapan dalam keputusan. Biarkan idea-idea hebat ini keluar sehingga ianya menjadi sesuatu luar biasa dan satu penerokaan baru.

Berfikir macam budak-budak. Pemikiran kanak-kanak mempunyai imaginasi yang kadang kala tidak berada dalam pemikiran orang dewasa. Dalam permainan, kanak-kanak mudah berfikir apa yang orang dewasa tidak nampak seperti contoh sebatang kayu menjadi kapal angkasa atau lantai menjadi lautan. Kanak-kanak tidak meletakkan had atau limit pada sesuatu penyelesaian. Kita yang sudah dewasa kerap kali meletakkan **limit** pada sebarang penyelesaian. Sebab itu, kita menjadi tidak kreatif.

Penyelesaian masalah kadangkala diletakkan dalam satu pilihan sahaja sedang kita mempunyai pelbagai kaedah untuk dibuat pilihan. Dalam pengurusan acara contohnya, bila pengacara tidak berfungsi dalam menghidupkan suasana, kita boleh mencari pilihan dengan memasukkan suara latar dalam acara atau muzik yang berperanan untuk memeriahkan suasana. Antara kaedah lain adalah dengan memasukkan tayangan video. Jika kesemua penyelesaian ini dihimpun, secara tidak langsung idea itu bukan datang dari satu pilihan.


Secara keseluruhannya, pemikiran kreatif boleh didefinisikan sebagai kecekapan dan keupayaan menggunakan minda untuk menjana serta menghasilkan idea yang pelbagai, baru, asli, luar biasa, proaktif, mencabar dan dapat dikembangkan kepada ciptaan yang lebih luas dan terbuka. Setiap idea baru adalah ibarat benih durian. Berilah idea itu kesempatan untuk berkembang sebelum kita menilainya. Setiap pemikir mempunyai falsafahnya tersendiri, untuk menjadi kreatif ia harus banyak membina kreativiti dalaman jiwanya dan mempunyai rasa ingin tahu dan mengambil tahu disamping memberi dan menerima pandangan. Kreatif bukan terbina dari sebuah kuasa pemerintahan total tetapi ia lebih kepada sebuah idea kecil menjadi sebuah negeri dan akhirnya menjadi benua.

**SUMBER:** Internet



# FESTIVAL MUZIK KL

## 2011 KL MUSIC FESTIVAL





Program Festival Muzik Kuala Lumpur telah dimulakan sejak tahun 2005 lagi sebagai salah satu pengisian sempena sambutan Festival Kuala Lumpur. Festival berkenaan turut dimeriahkan lagi dengan penglibatan pihak-pihak lain seperti institusi pengajian tinggi, badan-badan korporat, badan-badan bukan kerajaan, persatuan-persatuan muzik, syarikat-syarikat, promoter-promoter muzik dan sebagainya. Ia bertujuan untuk memberi sokongan ke arah memperkenalkan Kuala Lumpur sebagai pusat kota seni budaya di peringkat antarabangsa.

FESTIVAL MUZIK KL 2011 dilaksanakan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia yang dikelola oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara bersama Istana Budaya pada 1 hingga 3 Julai 2011.




**Dato' Khatijah Ibrahim**



**Dayang Nor Faizah**




**Dato' M. Daud Kilau**




Konsert utama, seminar muzik dan konsert terbuka adalah di antara pengisian sepanjang FMKL 2011 ini berlangsung. Majlis perasmian turut dimeriahkan dengan kehadiran Timbalan Perdana Menteri Malaysia, **YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Hj Mohd Yassin** bersama isteri, **YABhg Puan Sri Noorainee Abdul Rahman**.


Uniknya, festival ini dapat menjalinkan hubungan mesra pihak media bersama dengan agensi-agensi yang terlibat termasuk NGO dan sebagainya. Ia sedikit sebanyak meningkatkan kefahaman dan kecintaan terhadap seni muzik Malaysia kepada khalayak dan pelajar-pelajar universiti.



Suki



Jaclyn Victor



Azlan &amp; The Typewriter



**PESTA DURIAN**  
**JOHOR**  
**PERAK**  
dan



Daerah Segamat, Johor dikenali sebagai 'Daerah Raja Buah' kerana merupakan satu-satunya daerah di negeri Johor yang terkenal dengan keenakan buah Durian. Melalui kajian dan penyelidikan yang dihasilkan oleh Jabatan Pertanian, 'Durian Kampung' adalah salah satu daripada pelbagai jenis durian yang popular di daerah ini.

Pada 16 dan 17 Julai 2011 bertempat di Dataran Segamat, Johor, JKKN telah menganjurkan Pesta Durian Johor yang mana telah menghimpun serta memperkenalkan pelbagai jenis durian dari seluruh daerah di Negeri Johor.

Beberapa pertandingan berasaskan durian telah diadakan seperti :

- Pertandingan berat buah durian
- Pertandingan meneka ulas durian
- Pertandingan makan durian
- Pertandingan memasak resipi baru dari buah durian

Selain itu, terdapat juga demonstrasi mengopek buah durian, mengacau lempuk, membuat tempoyak, membuat *candy*, ais krim dan kek durian serta membuat wajik dan bubur kacang durian.



Setelah selesai majlis perasmian yang dihadiri oleh YB. Pn. Hajah Asiah Bt. Md. Ariff, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor pada pagi tersebut, para tetamu kehormat serta orang ramai telah dihidangkan dengan jamuan Pulut Durian dan Serawa Durian.

## AKTIVITI





# PERAK

Di Perak pula golongan pekebun-pekebun mahupun penduduk kampung sudah mula menjalankan pelbagai aktiviti untuk memenuhi waktu musim durian seperti menjual buah durian, memproses isi durian menjadi tempoyak, membuat lempok, penghasilan kraf berasaskan durian dan sebagainya.

Bertunjangkan kepada corak kehidupan masyarakat inilah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Perak telah memilih untuk mengimpletasikan budaya masyarakat berkenaan untuk dipamerkan kembali kepada komuniti luar terutamanya kepada pelancong asing. Pesta tersebut telah diadakan pada 23 hingga 24 Julai 2011 bertempat di Dataran Long Jaafar, Bukit Gantang, Taiping, Perak


dan dirasmikan oleh YB. Dato' Zainol Fadzi Bin Hj. Paharudin, Pengerusi Jawatankuasa Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Perak.



*Zainol sedang menikmati durian sambil diperhatikan oleh Abdul Mutalib Abd Rahman (dua dari kanan) Pengarah JKKN Perak*



# AKTIVITI



# KERATAN AKHBAR

## Sambutan luar dugaan di kalangan 5,000 peggemar 'Raja Buah' Pesta Durian diserbu

MA ABILZA MUSA

**BUKIT GANTANG** 23 hari sebelum Perak 2011 semasa Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Kemahiran Perikanan, Komunikasi dan Kebudayaan di Dataran Long Jaafar dekat sini mendapati sambutan luar dugaan apabila dihadiri oleh kira-kira 5,000 peggemar 'Raja Buah' semalam.

Exco Kebudayaan, Kesenian, Belia dan Sukan negeri, Datuk Zainol Fadzil Paharuddin berkata, sambutan 2,000 kg durian disediakan pada hari ini dan jumlah itu dijangka meningkat kepada 50,000 pada hari terakhir.

Katanya, kesemua durian tersebut dari seluruh Perak dan dibahagikan oleh 18 peraih durian.

"Sambutan yang kita terima cukup mengagumkan kerana yang datang pada hari ini bukan sahaja di kalangan penduduk setempat malah ada juga yang datang dari seluruh negeri," katanya.

"Kita mengagumkan lebih ramai pengunjung kerana lebih ramai 'raja durian' akan ditambah bagi memastikan jumlah pengunjung."

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengerusi dan Pemasalahan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Kemahiran Perikanan, Komunikasi dan Kebudayaan, Nourah Saiful.

Pesta tahunan bersama kerajaan negeri itu yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini dan berakhir esok juga menyediakan pelbagai acara menarik seperti pertandingan makan durian, pameran dan pameran, acara gelang durian, keramaian leri durian dan demonstrasi masakan tradisional.

Zainol berkata, selain buah durian, terdapat buah-buahan tempatan lain yang turut disediakan dengan kadar bayaran RM9 seorang.

"Pesta durian ini diadakan sempena musim durian di negeri ini dan bertujuan mempromosikan buah-buahan tempatan yang lain."

"Selain itu, ia juga bagi mempromosikan makanan tradisional berasaskan durian yang unik dan eksotis kepada masyarakat tempatan dan pelancong," katanya.

Sementara itu, sebanyak 2,000



## newstraitstimes

Monday, August 01, 2011, 01:01 PM



The prickly shell is no deterrent to durian lovers.

IPOH: If you can't resist the king of fruit, mark Saturday and Sunday on your calendar and set your GPS system for Bukit Gantang.

That's where durian lovers will be gathered this weekend, licking their fingers at the annual Moh Weh Jaham Doyan, also known as Jom Makan Durian Festival.

Due to popular demand, the event organisers -- Perak Department of Arts and Culture and Tourism Department -- have lined up many interesting activities for all visitors.

"It's 'eat all you can' for only RM9 per person, and children below 12 years get in free. Tickets will be sold at the counters on the day of the event," said the State Arts, Culture, Youth and Sports Committee chairman Datuk Zainol Fadzil Paharudin.

Zainol assured durian lovers need not worry about the fruit supply running short adding that they would have ample opportunity to enjoy their favourite fruit while participating in quizzes and competitions related to the king of fruits.

"The annual event is ideal for companies to treat their staff to a fun time or for families and friends to enjoy the creamy taste of durian."

## 10,000 biji durian untuk Pesta Durian Perak 2011

IPOH 18 hari. Sebanyak 10,000 biji durian akan disediakan pada Pesta Durian Perak 2011 yang diadakan di Dataran Long Jaafar Bukit Gantang, 23 dan 24 Julai ini.

Exco Kebudayaan, Kesenian, Belia dan Sukan Negeri, Datuk Zainol Fadzil Paharuddin berkata, pesta tersebut merupakan anjakan kerajinan negeri bersama Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pengerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Katanya, pesta yang berlangsung selama dua hari ini dan berakhir esok juga menyediakan pelbagai acara menarik seperti pertandingan makan durian, pameran dan pameran, acara gelang durian, keramaian leri durian dan demonstrasi masakan tradisional.

Zainol berkata, selain buah durian, terdapat buah-buahan tempatan lain yang turut disediakan dengan kadar bayaran RM9 seorang.

Sementara itu, pada hari tersebut, sebanyak 2,000 buah-buahan tempatan akan disediakan dengan kadar bayaran RM9 seorang.

Sementara itu, pada hari tersebut, sebanyak 2,000 buah-buahan tempatan akan disediakan dengan kadar bayaran RM9 seorang.

"Pesta durian ini diadakan sempena musim durian di negeri ini dan bertujuan mempromosikan buah-buahan tempatan yang lain."

"Selain itu, ia juga bagi mempromosikan makanan tradisional berasaskan durian yang unik dan eksotis kepada masyarakat tempatan dan pelancong," katanya.

Sementara itu, pada hari tersebut, sebanyak 2,000 buah-buahan tempatan akan disediakan dengan kadar bayaran RM9 seorang.



ABDUL MUTALIB ABDUL RAHMAN (tengah) menyerahkan replika unik sistem arahan (Home) kepada Ajni Bari semasa diarahkan oleh Zainol Fadzil Paharudin di Ipoh, semalam.

# Moh Jaham Doyan!

### 10,000 durian percuma untuk pengunjung

NURUL MAZWANA HAMDAN

IPOH - Sebanyak 10,000 durian akan disediakan khusus untuk pengunjung yang datang ke Dataran Long Jaafar, Bukit Gantang, Taiping sempena Pesta Durian Perak 2011 pada 23 hingga 24 Julai ini.

Exco Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri, Datuk Zainol Fadzil Paharuddin berkata, pesta durian itu dilaksanakan untuk mempromosikan raja buah itu dan memeriahkan lagi musim durian di negeri ini.

Menurutnya, dengan slogan 'Moh Weh Jaham Doyan', orang ramai dijangka memeriahkan pesta berkenaan.

Selain makan durian percuma, pengunjung berpeluang menyertai pelbagai aktiviti menarik yang disediakan.



Zainol Fadzil (tengah) bersama Pengarah Jabatan Kebudayaan, Kesenian Negara (JKKN) Negeri, Abdul Mutalib Abdul Rahman dan Timbalannya, Maziah Abd Rahman meninjau durian sebagai simbolik Pesta Durian Perak 2011 yang bakal berlangsung 23 dan 24 Julai ini.

"Pada hari ini juga seramai seribankah pelancong dari Eropah yang menginap di Homestay Bukit Gantang akan turut serta," katanya.

Majlis berkenaan dianjurkan oleh Kementerian Pengerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia dan Kementerian Pelancongan Malaysia serta Kerajaan Negeri.



MAKAN DURIAN. Sebahagian daripada orang ramai yang makan durian percuma pada Pesta Durian Perak 2011 di Bukit Gantang, Taiping semalam.

# RUANGGAN KREATIF

## "KERANA SESAK"

Oleh : Shahrizal Abdan

Dia menyusur perlahan meredah semak kota yang merimaskan. Jalannya seperti orang sakit, sekejap berjalan sekejap berhenti. Namun dia sudah biasa dengan keadaan itu. Setiap hari dia terpaksa mengharungi keadaan yang sama. Kesesakan Lalulintas di kota besar. Itulah yang terpaksa ditempuh setiap hari walaupun bosan dan merimaskan. Dugaan banyak sekali ketika dalam perut kesesakan itu. Kadangkala ada pemandu lain yang mementingkan diri, memotong barisan ikut suka hati mereka sahaja. Lagak penunggang motorsikal pula tak ubah seperti sedang berlumba. Mana tidaknya, selit belit dalam selirat lalu lintas, padat dengan keadaan yang amat berbahaya sekali. Seumpama perkara biasa tanpa sebarang ketakutan.

Lututnya semakin lama semakin lenguh, sudah setengah jam keretanya hanya merangkak, kakinya asyik bertukar pedal klac dan pedal minyak.

Semakin hari jalan semakin kecil dirasakan, dengan penambahan jumlah kenderaan di atas jalan raya. Pernah dia terbaca mengenai statistik pendaftaran kenderaan di Wilayah Persekutuan pada tahun 2010 sahaja telah mencatatkan peningkatan sebanyak 306,513 buah dari jumlah asal. Ini menandakan bahawa saban tahun jumlah kenderaan di jalan raya semakin bertambah. Zaman sekarang, kereta mudah dibeli. Tidak seperti zaman dahulu kala yang hanya mampu dimiliki kelas menengah dan bangsawan sahaja. Setiap hari beginilah keadaannya, dia akan sampai ke rumah menjelang malam. Jarang sekali berpeluang sampai rumah sebelum matahari terbenam. Kesesakan sering sahaja menjadi penghalang kepada hajatnya untuk sampai awal di rumah. Apapun dia tetap bersyukur kerana kecanggihan teknologi menyenangkan manusia.

Hujan dan panas dapat ditempuhinya tanpa sebarang kesan. Penghawa dingin mengelakkannya dari berpanas dan radio menjadi pendampingnya kala mengharungi kesesakan berseorangan. Lagu-lagu segar umpama "Kalau Berpacaran" gabungan vokal antara Shuhaimi Meor Hassan, Ana Raffali dan Altimet yang dikumandangkan di radio dapat menyegarkan matanya. Adakala mulutnya kumat kamit, ikut sama menyanyikan bait-bait lagu itu. Liriknya puitis dan penuh dengan nasihat buat orang muda.

Setelah lama berada dalam perut kesesakan, akhirnya dia bebas jua. Umpama pelari 110 meter berpagar yang telah melepasi halangan terakhir, dia terus memacu ke hadapan untuk segera sampai ke rumah. Dia perlu sampai sebelum jam lapan untuk solat dan menonton berita di televisyen. Jarang sekali dia terlepas dari menonton berita televisyen, kerana baginya hal ehwal dalam dan luar negara harus diketahui.



Berita-berita semasa dalam negeri seperti rompakan dan pembunuhan adakalanya mengundang keresahan dijiwanya. Ketakutannya adalah bersangkut dengan setiap hari ada sahaja kes-kes jenayah yang meragut nyawa. Hairan bila manusia sudah tidak menghormati undang-undang, agama juga sudah diketepikan. Begitu mudah kejadian bunuh berlaku. Apakah semakin maju dunia semakin tidak berperikemanusiaan penduduknya?... Mungkin mereka semakin ke belakang dengan kembali ke zaman dahulu yang sering bergaduh dan membunuh untuk menguasai kawasan tempat tinggal.

Paparan di media-media cetak yang menyajikan berita-berita mengenai ragut, rompakan bersenjata, samun, bunuh, rogol dan lain-lain adalah gambaran betapa jenayah tidak pernah surut.

Tangkapan dan heretan ke mahkamah serta hukuman yang dikenakan umpama tidak menggerunkan penjenayah, kerana ada saja pelapis-pelapis yang mewarisi bidang yang salah di sisi undang-undang negara ini.

Tidak seperti waktu dia masih di kampung, pada waktu itu jarang sekali dia mendengar kejadian-kejadian jenayah sebegini. Kalau ada pun kejadian mencuri motorsikal jenis Honda C70 di rumah tokey padi ataupun kehilangan lembu di kandang Pak Shukor. Itu pun jarang-jarang berlaku. Semangat kejiranan yang kukuh tertanam dalam jiwa penduduk di kampung dan sikap ambil tahu antara satu sama dengan yang lain adalah salah satu faktor yang dapat membendung kejadian-kejadian jenayah ini.

“Pak Shukor, sudah lama tidak berbual dengannya...” tiba-tiba terpacul dari mulutnya.

Pak Shukor adalah teman baik ayahnya. Seorang yang peramah dan senang untuk dibawa bersembang. Dulu di hujung minggu, jika tidak ada apa-apa kerja di rumah dia selalu juga berkunjung ke rumah Pak Shukor untuk berbual dan menolong Pak Shukor melepaskan lembu dari kandangnya. Pak Shukor seorang yang baik hati dan jarang sekali melihat dia menceritakan keburukan orang lain. Ketika lembunya hilang pun dia masih boleh bersabar dan redha dengan takdir yang berlaku. Dia teringat lagi kata-kata Pak Shukor kepada ayahnya setelah lembunya hilang.

“Nak buat macam mana Lan, tak ada rezeki. Tuhan tu maha adil, mungkin nanti ada benda lain yang diberinya, Inshaallah.” Ujar Pak Shukor.

Ayah terdiam dengan kata-kata Pak Shukor, cuma kepalanya sahaja mengangguk-angguk tanda setuju. Dia rindukan kampung halamannya, kedua ibu bapanya dan senyum tawa Pak Shukor. Kalau ikutkan hati mahu sahaja dia pulang ke kampung pada esok hari, namun dia terikat dengan kerja yang menjadi sumber rezekinya.

Kini, dia sudah pun sampai ke kawasan rumah. Stereng keretanya dipusing menghala ke pagar rumah yang sudah terbuka melalui kawalan remote control di tangannya. Setelah sampai, empat tayar kemas berhenti. Pintu kereta dibuka, dia keluar dari kereta lantas tangannya memusing-musing kunci mengunci kereta. Kini dia sudah berada di dalam rumah. Pintu rumah ditutup rapat, tv dibuka tuala dicapai dan langkah diatur menuju ke bilik mandi. Selesai mandi dia bingkas menunaikan solat Maghrib dan lantas terus ke ruang tamu lalu punggungnya dihempaskan di kerusi empuk hadapan tv. Kini matanya terarah ke tv siaran 1. Berita-berita penting dipaparkan awal sebagai pembuka bicara. Satu demi satu paparan berita dapat diketahuinya. Dari berita dalam negara, luar negara, ekonomi, hiburan sehinggalah paparan sukan mengambil tempat.

Di akhir berita, perutnya mulai berkeroncong. Dia sedar yang perutnya mulai kelaparan. Bajet mengurus dirinya yang terbaru memaksanya masak di rumah. Mujur berseorangan, boleh masak apa sahaja. Masak nasi, goreng telur, potong kangkung dan tumis bersama perencah. Hidangan bujang tersedia sejam kemudian. Kalau ada isteri mungkin makannya tidak sebebaskan itu. Kurang-kurang mahu ada sayur, kari daging, sambal udang, sambal belacan, ulam-ulaman dan lain-lain lagi. Dia selalu berazam untuk menolong isterinya memasak kalau sudah berkahwin. Tapi perkahwinan memerlukan wang. Kadar semasa sudah mencapai belasan ribuan ringgit. Dia perlu meneruskan tekad untuk mengumpul wang walau dia sedar bahawa selalu sahaja tekadnya itu sia-sia. Buku baru terus dibuka, yakni tekad baru. Akhir tahun masih sama. Namun, sebagai seorang lelaki dia juga mendambakan sebuah perkahwinan. Perkahwinan yang dapat memberikan kebahagiaan dalam hidupnya. Dia sedar bahawa dalam melayari kehidupan sebagai pasangan suami isteri tidak seindah seperti yang dicita-citakannya. Perkahwinan memerlukan pengorbanan dan keserasian di antara suami dan isteri. Pemilihan seorang isteri bukan didasarkan atas kecantikan dan kekayaan semata-mata. Sebaliknya ia mestilah dipilih dari seorang yang mempunyai latar belakang agama yang kukuh.

Malam semakin larut, drama Gerak Khas arahan Datuk Yusoff Haslam sudah sampai ke penghujungnya. Semua penjenayah sudah diberkas.


Matanya kini semakin berat. Mengantuknya sudah tidak tertahan. Malam itu dia gagal lagi untuk menelaah buku. Kegagalan yang merugikan dirinya. Kekadang dia terfikir juga, bagaimana Pramodeya Ananta Toer semasa hidup dapat membaca dan menulis sewaktu menjadi tahanan politik di Pulau Buru. Kepayahan hidup adalah pembakar kepada perjuangan. Kini Pram hanya dalam kenangan. Dia menghembuskan nafas terakhir pada usia 81 tahun. Begitu besar sumbangannya pada dunia penulisan. Selimutnya ditarik melepasi dada, akhirnya dia tertidur buat sementara sebelum pagi kembali bersua.



# TOKOH ANUGERAH SENI NEGARA


*Hamzah Awang Amat*

Tokoh Seniman Negara Pertama 1993





HANUMAN



LAKSAMANA




MAHARAJA WANA



PAK DOGOL



SERI RAMA



SITI DEWI



WAK LONG

Watak dalam wayang kulit yang sering digunakan oleh Hamzah.

Orangnya serdahana tinggi, berbadan kecil dan uban di kepala yang memenuhi segenap ruang seakan-akan membisikkan tuannya sudah sekian lama bergelumbang dengan wayang kulit. Itulah **Hamzah bin Awang Amat**, seorang dalang wayang kulit Kelantan yang pernah ditawarkan sebagai pensyarah sepenuh masa di Universiti Sains Malaysia. Namun, tawaran sebegini rupa yang jarang-jarang diberikan kepada seorang dalang, yang hanya berkelulusan darjah enam Sekolah Melayu, terpaksa dilupakan kerana keintimannya dengan genre teater tadi. Hamzah bimbang ketiadaan beliau nanti akan membuka laluan bagi proses pemupusan teater yang disayangnya itu di negeri sendiri.

Hamzah Awang Amat dilahirkan di Kebakat, Tumpat, Kelantan pada tahun 1940. Anak kepada seorang pemuzik wayang kulit ini mula akrab dengan genre wayang kulit pada umur enam tahun. Keakraban yang tinggi membuatkan beliau sanggup berjalan sejauh empat kilometer semata-mata untuk menonton wayang kulit yang persembahannya berakhir jauh di lubuk malam. Masa berlalu, namun dalam dada timbul dorongan untuk mengenali seni teater ini dengan lebih mendalam dan semakin membara lantas Hamzah menyedari ledakan dalaman ini perlu dicarikan suatu penawar.

Hasrat Hamzah tercapai apabila beliau berkesempatan untuk berguru dengan seorang dalang yang masyhur ketika itu bernama Awang Lah bin Pandak ketika usianya baru menjangkau dua puluh tahunan. Sebelum itu beliau telah menjadi pelari patung dan belajar bermain alat-alat muzik wayang kulit. Pucuk dicita ulam mendatang. Itulah yang terjadi kepada Hamzah. Sesudah beberapa tahun berguru dengan Awang Lah, Hamzah dilantik sebagai dalang muda dan empat tahun kemudian dia membuat persembahannya buat kali pertama. Semenjak dari detik itu beliau tidak jemu mengasyikkan patung-patung wayangnya ke merata tempat di negara ini. Setiap kali Hamzah mengadakan pertunjukan, gelanggang kecil yang didirikan di ceruk desa umpama gelisah kerana tidak berupaya menampung para hadirin yang datang bertandang.



Bapa Hamzah iaitu Awang Amat sedang bermain canang.

Keunggulan beliau inilah yang mengajak Hamzah menjelajah ke merata tempat di muka bumi. Jerman, Belgium, Belanda dan Amerika Syarikat – sekadar menyebutkan beberapa buah destinasi yang pernah disinggahi oleh Hamzah dan wayangnya. Namun di sebalik segala kehairahan tadi, Hamzah dalam masa yang sama terpaksa bergelut dengan pelbagai gejala yang hamper menggugat kariernya. Langit tidak selalu cerah. Setelah berjaya menjadi dalang, Hamzah terpaksa pula bertarung dengan rintangan yang lain dan penuh mencabar. Cabaran ini bukannya datang dari Hajal Sri Betala mahupun Maharaja Wana tetapi suatu arus baru yang bergelora ke arah kebendaan. Arus yang mampu menenggelamkan wayang kulit dari muka bumi ini. Hamzah tetap tenang bagaikan Seri Rama tabah menghadapi setiap rintangan untuk mendapatkan kembali Siti Dewi.


Penelitian lanjut membuktikan, banyak unsur-unsur Hindu yang telah ditapis dan digantikan oleh dalang Melayu dengan nilai serta norma tempatan. Jelaslah unsur-unsur tempatan menguasai cerita ini biarpun Ramayana berasal dari India. Watak Pak Dogol dan Wak Long adalah contoh penyerapan unsur setempat kerana watak-watak ini tidak terdapat dalam teks klasik Ramayana mahupun cerita wayang lain.

Keadaan ini boleh menimbulkan tanda tanya mengenai keistimewaan dua watak tersebut sehingga dimasukkan ke dalam cerita wayang dan diberi peranan yang amat penting, iaitu sebagai pembantu wira. Sebenarnya, dalam kosmologi Melayu sebelum kedatangan agama Hindu Pak Dogol dianggap sebagai dewa tempahan yang amat penting. Namun, kehadiran agama tersebut telah menyingkirkan status dewa tersebut dan digantikan dengan dewa-dewa Hindu.

Begitupun, dalang-dalang tempatan yang tidak mahu dewa asal ini lenyap begitu sahaja telah menghirupkannya kembali dalam cerita wayang kulit dan diberi peranan sebagai pengasuh. Oleh sebab itulah kedudukan Pak Dogol mengatasi segala dewa Hindu dalam cerita wayang kulit. Teater ini turut memasukkan cerira-cerita yang direka sendiri oleh dalang tempatan dan kebanyakannya terselah dalam cerita ranting. Dari segi muzik pula, teater ini tidak menunjukkan sebarang persamaan dengan budaya mahupun genre asing. Wayang kulit merupakan teater yang telah berupaya berdiri sendiri sejak sekian lama di nusantara sebagai satu genre yang kukuh diwarnai oleh nilai-nilai tempatan.

Ketika diajukan satu soalan dalam Seminar Alat-alat Muzik Pribumi Malaysia Sebagai Warisan Budaya pada tahun 1992, Hamzah dengan berseloroh menyatakan beliau turut menerima tempahan daripada dalang-dalang kerana mereka tidak berupaya untuk menghasilkan alat-alat muzik berkenaan.

Tanggal 13 Oktober, 1977 warga kota terpegun dengan keganjilan sebuah pentas yang didirikan di dataran terbuka Kompleks Budaya Negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pentas itu beratapkan nipah serta berdinginkan papan mempunyai sehelai kain putih berdiri megah dihadapannya, suatu rekabina yang amat kontras dengan batu-batan yang menjadi struktur utama kompleks tersebut. Kain putih tadi yang sekali-sekala ditiup angin bagaikan mengundang manusia bandaraya ke dataran tadi. Pada malamnya, kain putih ini memancarkan bayang-bayang aneh yang pandai bercakap, ketawa, menjerit, menangis dan berseloka pada dadanya. Keriuhan bayang-bayang serta kerancangan alunan irama tradisional yang mengekori langkah patung Hamzah memukau mereka. Keesokan malamnya, bayang yang sama timbul di kelir disaksikan oleh hadirin yang lebih ramai. Bayang-bayang tadi berlakon tanpa jemu sehingga berjaya memikat pihak media cetak pula. Puluhan artikel serta rakaman menghebohkan kehebatan cerita yang dipersembahkan oleh dalang dari Negeri Cik Siti Wan Kembang ini.



Hamzah sedang memberi penerangan tentang wayang kulit.



Hamzah menggesek rebab kesayangannya.

Hamzah dipelawa untuk menjadi pensyarah tetap di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1977 tetapi tawaran tadi ditolak kerana alasan tertentu. Begitupun, beliau menerima tugas tersebut secara sambilan kerana menyedari kepentingan seni tradisional untuk warga kampus. Jelas, Hamzah mampu membawa wayang kulit ke tahap yang lebih tinggi. Hamzah berjaya mengangkat kedudukan wayang kulit dari sebuah kegiatan masa lapang desa ke penghayatan penduduk kota serta menara gading dan ternyata genre wayang kulit diterima oleh kumpulan manusia ini.

Kejayaan beliau menubuhkan kumpulan pemuzik tradisional serta membentuk Kampung Gerong sebagai agenda utama untuk perkembangan wayang kulit telah meyakinkan Hamzah dipelawa oleh Kementerian tersebut untuk mengadakan pertunjukan di luar negeri. Pada tahun 1971, tukang wayang ini bersama kumpulan pemuziknya, iaitu Kumpulan Seri Setia, telah dibawa untuk bermain wayang kulit ke Negara Perancis, Itali, Monaco, Switzerland, Belanda, Yugoslavia dan Jerman Barat atas anjuran UNESCO. Dua tahun selepas itu, kumpulannya telah dijemput untuk membuat persembahan di Rusia dan Turki.



Hamzah dan isteri dengan hadiah yang diterima



Hamzah sedang membaca teks penerimaan Anugerah Seni Negara

Tahun 1974 beliau sekali lagi dibawa oleh Kementerian yang sama ke Belgium, Belanda, Perancis, England, Kanada dan Amerika Syarikat. Tahun berikutnya menyaksikan Hamzah mengadakan persembahan di Burma (Myanmar) dan Thailand pula. Selang dua tahun kemudian dia menerima undangan untuk beraksi dalam 2nd Hong Kong Festival of Arts. Beliau juga dibawa oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Perlancongan (nama sebelumnya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) pada tahun 1990 untuk turut membuat pertunjukan di Festival Roma Europa di Rome, Itali. Tahun ini beliau baru sahaja selesai mengadakan persembahan demonstrasi wayang kulit di Singapura. Sesungguhnya, tiada dalang yang paling banyak mengadakan pertunjukan di peringkat antarabangsa melainkan Hamzah. Beliau telah kembali ke rahmatullah tanggal 1 Januari 2001. Semoga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan dikalangan orang-orang yang beriman.



1974, Hamzah menerima Pingat Pangkuan Negara dari Seri Paduka Baginda Yang-Dipertuan Agong.

Nama : Hamzah Awang Amat  
 Nama Pena : Tok Dalang Hamzah  
 Tarikh Lahir : 1940  
 Tempat Lahir : Kg. Kebakat, Tumpat, Kelantan Darul Naim  
 Keturunan : Melayu  
 Kediaman : Kg. Gerong, Kota Bahru, Kelantan Darul Naim  
 Agama : Islam  
 Akademik : Sekolah Melayu (darjah 6)

# Majlis PENGISIAH ROHANI

## AL-QURAN : PANDUAN KE SYURGA

PENCERAMAH: USTAZ SUHAIMI BIN WAKID

PENDAFTAR (NIKAH/CERAJ/RUJUK) DAERAH PETALING, JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)



# DVD / VCD / CD TERBITAN JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

BIL.	TAJUK	TAHUN	PENERBIT	KATEGORI	HARGA (RM)
1.	Tari Kebangsaan 2009	2010	JKKN	DVD	20.00
2.	Pembelajaran Tarian -Tarian Malaysia	2008	JKKN	DVD	15.00
3.	Senam Seni 1 Malaysia	2010	JKKN	DVD	10.00
4.	Inspitari	2011	JKKN	DVD	20.00
5.	Bangsawan 5 Bersaudara	2010	JKKN	DVD	20.00
6.	Senam Seni Malaysia	2008	JKKN	DVD	10.00
7.	Dodoi Si Manja	2008	JKKN	VCD	10.00
8.	Gasing Malaysia	2005	JKKN	VCD	10.00
9.	Festival Kesenian ASEAN	2003	JKKN	VCD	10.00
10.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2003	2003	JKKN	VCD	10.00
11.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2004	2004	JKKN	VCD	10.00
12.	Kesenian Tradisi Negeri Selangor	2003	JKKN	VCD	10.00
13.	Kesenian Tradisional Negeri Melaka	2004	JKKN	VCD	10.00
14.	Majlis Kenduri Adat Melenggang Perut	2005	JKKN	VCD	10.00
15.	Perkahwinan Adat Rembau	2005	JKKN	VCD	10.00
16.	Persembahan Rebana Kercing	2003	JKKN	VCD	10.00
17.	Persembahan Wayang Gedek Seri Asun	2005	JKKN	VCD	10.00
18.	Selampit Raja Besar Ho Gading	2005	JKKN	VCD	10.00
19.	Semangat Merdeka	2002	JKKN	VCD	10.00
20.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Jikey	2005	JKKN	VCD	10.00

BIL.	TAJUK	TAHUN	PENERBIT	KATEGORI	HARGA (RM)
21.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Hamdolak	2005	JKKN	VCD	10.00
22.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Mek Mulung	2005	JKKN	VCD	10.00
23.	Tarian Tradisional Terengganu	2005	JKKN	VCD	10.00
24.	Tunas Budaya	2005	JKKN	VCD	10.00
25.	Upacara Pasak Indong : Majlis Kenduri Adat Kaum Tidong	2005	JKKN	VCD	10.00
26.	Bintang Asli Remaja 2006	2008	JKKN	CD	15.00
27.	Dendangan Indera Kayangan	2005	JKKN	CD	10.00
28.	Dendang Rakyat Terengganu	2003	JKKN	CD	10.00
29.	Folk Tunes of Malaysia / Irama Lagu- Lagu Rakyat Malaysia	2008	JKKN	CD	10.00
30.	Irama Asli (Minus One)	2008	JKKN	CD	20.00
31.	Irama Malaysia (Minus One)	2008	JKKN	CD	20.00
32.	Keroncong	2003	JKKN	CD	10.00
33.	Lagu- Lagu Bongai	2003	JKKN	CD	10.00
34.	Lagu - Lagu Malaysia : Tergeleng - Geleng	2004	JKKN	CD	10.00
35.	Lagu - Lagu Rakyat Negeri Malaysia : Roslan Madun	2004	JKKN	CD	10.00
36.	Lagu - Lagu Rakyat Malaysia (Zainal Abidin)	2008	JKKN	CD	10.00
37.	Lagu - lagu Kumpulan Tumbuk Kalang	2003	JKKN	CD	10.00
38.	Muzik & Lagu Tradisional Perak	2003	JKKN	CD	10.00
39.	Pertandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2007	2007	JKKN	CD	10.00



## Renungan

### KEKASIH PENCIPTA & PENGHULU UMAT AKHIR ZAMAN

Insan ini mempunyai budi pekerti yang mulia dan menyenangkan. Martabatnya terlalu tinggi. Tidak boleh diumpamakan dengan apa-apa yang ada di dunia ini. Statusnya sebagai kekasih pencipta, pemberi syafaat di alam kekal dan ketua bagi kaum akhir zaman sedikit pun tidak membuatnya mendongak langit, menghentak bumi atau diagungkan sebagai **RAJA DUNIA**. Betapa besarnya pengiktirafan yang diberikan kepadanya, bukan dari manusia tapi sang pencipta! Sifat semulajadi beliau yang sentiasa menuturkan percakapan yang menarik, riang dan gembira lazimnya menyegarkan orang-orang yang berada disekelilingnya tanpa hilang kesederhanaan, tidak pula menyinggung perasaan sesiapa kecuali kebenaran. Budi pekerti serta jasanya kekal beribu-ribu tahun. Gah pembawa nama MUHAMMAD ini, turut diiktiraf oleh pengkaji sejarah dan para ilmuwan di Timur juga di Barat. Itulah Rasul pencipta kita, **YANG TERPUJI**. *Segala puji-pujian bagi Pemerintah Alam.*








oleh : Umat Muhammad

# KINI...

Bahan-bahan terbitan JKKM seperti buku, cd, vcd dan dvd boleh dibeli secara atas talian melalui laman :

[www.postme.com.my](http://www.postme.com.my)

Hanya dengan beberapa langkah mudah seperti **membuka akaun** dan **tekan butang hantar**, anda boleh mula membuat pesanan. Segalanya kini di hujung jari. Sungguh mudah!



# Informasi Seni & Budaya di hujung jari ANDA



JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN  
DAN KESENIAN NEGARA



KEMENTERIAN PENERANGAN KOMUNIKASI  
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

[www.kebudayaankesenian.blogspot.com](http://www.kebudayaankesenian.blogspot.com)

Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Negeri Perlis,  
Kompleks Taman Budaya Negeri Perlis,  
Jalan Lintasan Kangar, 01000 Kangar,  
PERLIS INDERA KAYANGAN  
No. Tel :04-9793604  
No. Faks:04-9770117

Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Negeri Kedah,  
Taman Budaya Negeri,  
Lot PTD 400, Pumpong,  
05250 Alor Setar,  
KEDAH DARUL IMAN  
No. Tel :04-7315930  
No. Faks:04-7738128

Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Negeri Pulau Pinang,  
Kompleks Pusaka Warisan Seni,  
Lot 2180, Jalan Rawang,  
Off. Jalan P. Ramlee,  
10460 PULAU PINANG  
No. Tel :04-2817792  
No. Faks:04-2817781

Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Negeri Perak,  
Taman Budaya Negeri Perak,  
Jalan Caldwell, Off. Jalan Raja Dihilir,  
30250 Ipoh, PERAK DARUL RIDZUAN  
No. Tel :05-2537001  
No. Faks:05-2417017

Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Negeri Selangor,  
Lot 22.2, Tingkat 22, Wisma MBSA,  
Persiaran Perbandaran,  
40000 Shah Alam,  
SELANGOR DARUL EHSAN  
No. Tel :03-55102664  
No. Faks:03-55102839

Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Negeri Melaka,  
Taman Budaya Negeri Melaka,  
Lebuhraya Ayer Keroh,  
75450 MELAKA  
No. Tel :06-2331787  
No. Faks:06-2331784

Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Negeri Sembilan,  
Taman Budaya Negeri Sembilan,  
Jalan Sg. Ujong, 70200 Seremban,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
No. Tel :06-7636308  
No. Faks:06-7634417

Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Negeri Pahang,  
Taman Budaya Negeri Pahang,  
Lot 571 Jalan Telok Sisek,  
25000 Kuantan,  
PAHANG DARUL MAKMUR  
No. Tel :09-5178466  
No. Faks:09-5179466

Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Negeri Johor,  
Ruang 5 dan 6, Tingkat 13,  
Peti Surat 223,  
KOMTAR, jalan Wong Ah Fook,  
80000 Johor,  
JOHOR DARUL TAKZIM  
No. Tel :06-2331787  
No. Faks:06-2331784

Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Negeri Terengganu,  
Taman Budaya Negeri Terengganu,  
Kuala Ibai, 20400 Kuala Terengganu,  
TERENGGANU DARUL IMAN  
No. Tel :06-7636308  
No. Faks:06-7634417

Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Negeri Kelantan,  
Taman Budaya Negeri Kelantan,  
Lot 1993, Seksyen 49, Tanjung Chat,  
16200 Kota Bharu,  
KELANTAN DARUL NAIM  
No. Tel :09-7417000  
No. Faks:09-7417004

Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Negeri Sarawak,  
Tingkat 5, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga,  
93300 Kuching,  
SATRAWAK  
No. Tel :082-422006  
No. Faks:082-244394

Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,  
Taman Budaya Kuala Lumpur,  
Jalan Tun HS Lee,  
50300 KUALA LUMPUR,  
No. Tel :03-20726431  
No. Faks:03-20704064

Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Negeri Sabah,  
Tingkat 2, Wisma Bank Simpanan Nasional,  
Jalan Kemajuan, Karamunsing,  
88100 Kota Kinabalu  
SABAH  
No. Tel :088-237052  
No. Faks:088-242052